

## SEMINAR “BUKU AGUNG DAN KARYA PERDANA DALAM TAMADUN ISLAM DAN PERADABAN MELAYU, 12 – 13 Ogos 2008

Dikelolakan oleh Institut Kefahaman Malaysia (IKIM), Kuala Lumpur

Karya-Karya Za’ba: Perintis Dalam Membicarakan  
Seni Mengarang dan Retorika Melayu

oleh

Asmah Haji Omar  
Profesor Emeritus Universiti Malaya  
Kuala Lumpur

### Pengantar

Sebagai pembuka kata bagi kertas kerja ini, eloklah saya menurunkan kata-kata yang keluar dari mulut Za’ba sendiri dalam satu rakaman temu bual yang dilakukan oleh pihak Arkib Negara dalam tahun 1970, iaitu tiga tahun sebelum beliau kembali ke rahmatullah. Rakaman ini sudah pun ditranskripsi dan diterbitkan oleh Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak. (Lihat Adnan Hj. Nawang, *Memoir Za’ba*, 2005). Kata Za’ba,

Pekerjaan saya yang saya gemar sekali ialah mengarang, menulis. Jadi guru itu *accident* saja, tak sengajalah, tak ada kerja lain, jadi saya jadi guru. Berapa tahun saya jadi guru dari tahun 1916, 1917, 1918 sehingga sampai tahun 1924 berhentilah saya jadi guru. Biar saya jadi pengarang, dapatlah kerja yang saya suka. Sampai ke Tanjung Malim saya mula menulis, mengarang, membetulkan karangan orang, itulah kerja saya. (*Memoir Za’ba*, h. 99).



Dalam petikan di atas itu terletak kunci kepakaran Za'ba dalam hal karang mengarang. Za'ba mengarang kerana kegemarannya menyampaikan ilmu pengetahuan kepada masyarakat Melayu yang masih dangkal dari serba-serbinya dalam bidang ilmu pengetahuan pada amnya. Inilah etos murni Za'ba. Gabungan semangat mendidik bangsa dari segi kemajuan duniawi dan amalan agama seperti yang dituntut oleh Islam, disokong pula oleh kesukaannya mengarang, telah merupakan suatu daya (*force*) dalam dirinya atau lebih tepat dalam daya cipta intelektualnya, dan daya inilah yang menghasilkan satu rangkaian fikirannya mengenai retorika dalam karang mengarang.

### **Apa dia retorika (*rhetoric*)?**

Definisi yang secara am dikenali oleh pengkaji-pengkaji dalam bidang ini berbunyi seperti berikut: *Rhetoric is the art of persuasion*. Bunyinya dalam bahasa Melayu ialah "Retorika adalah seni memujuk" (bukan seni mempengaruhi, kerana ada bezanya pujuk dan pengaruh). Dan retorika khusus mengenai pujukan dalam penggunaan bahasa, baik dalam percakapan mahupun dalam tulisan.

Konsep *rhetoric* dan amalan *rhetoric* sudah ada dalam zaman Yunani kuno lagi. Dalam *Socratic Dialogues*, Socrates ingin mengetahui apa sebenarnya yang dikatakan oleh Gorgias sebagai "*the art of speech or discourse*". Jawapan Gorgias ialah retorika adalah seni (*art*), dan dikatakan seni kerana boleh dijadikan prinsip-prinsip yang mudah difahami, dan tujuannya adalah untuk memujuk (*persuade*) orang menerima pandangan penyampai wacana yang beretorika itu.

Dari definisi yang seperti itu, timbul pula pertanyaan: Jenis pujukan yang bagaimanakah yang boleh digolongkan sebagai retorika? Jawapan Gorgias ialah pujukan dalam "*matters of right and wrong*", yakni dalam hal-hal yang betul dan salah, baik dan buruk. Menurutnya lagi, pujukan boleh dilakukan dengan atau tanpa tujuan mengajar (*instruction*). Jika retorika diungkapkan melalui kaedah pengajaran, maka orang yang menjadi sasaran bukan sahaja dapat dipujuk supaya menerima sesuatu pendirian, tetapi pada masa yang sama dia juga dapat menambah ilmu pengetahuannya. Sebaliknya, jika



retorika tidak disertai dengan unsur pengajaran, maka orang yang menjadi sasaran mungkin menerima, dalam erti kata mendengar, pendirian yang dikemukakan, tetapi belum tentu dia yakin dengan pendirian pewacana berkenaan. (Lihat A.E.Taylor 1960: 107 – 109).

Apa yang penting yang timbul dari *Dialogues* berkenaan, ialah retorika membawa pengertian yang baik (*goodness*) yang menyampaikan ilmu pengetahuan melalui bahasa dan selok-belok penggunaan bahasa. Dengan itu kita boleh membuat kesimpulan bahawa orang yang menggunakan retorika merupakan orang yang mempunyai ilmu pengetahuan yang hendak disampaikan dengan tujuan murni, atau tujuan altruistik, yakni yang semata-mata untuk kebaikan sahaja, khususnya kebaikan orang yang menjadi sasaran wacana. Ini bermakna bahawa orang yang mempunyai wacana itu tidak mempunyai sebarang niat atau tujuan buruk.

Kita tidak dapat menafikan bahawa dalam perkembangan sosial, budaya dan politik dalam mana-mana komuniti manusia, retorika digunakan bagi tujuan-tujuan tertentu, misalnya dalam pidato ahli politik memancing undi, dalam iklan jurujual, dalam perbincangan mesyuarat. Ini semuanya termasuk pujukan, tetapi tidak semua pujukan dalam konteks yang seperti itu bersifat altruistik.

Pujukan dalam kehidupan manusia bukan sahaja pelbagai sifatnya, tetapi juga ada taraf kehalusannya. Retorika dalam seni mengarang boleh dianggap sebagai seni memujuk paling halus, dan paling tinggi sifat intelektualnya.

### **Prinsip-Prinsip Retorika Za'ba**

Sebenarnya, Za'ba sama sekali tidak pernah menggunakan istilah *retorika* atau yang serupa itu dalam mana-mana tulisan beliau yang saya temui selama ini. Juga beliau tidak pernah menggunakan kata *pujuk*, dalam usaha menyampaikan sesuatu pengajaran melalui karangan-karangannya. Beliau secara biasa dan bersahaja menyampaikan pendirian-pendirian dan idea-ideanya dengan tujuan mendidik, melalui analisis yang jelas dan berkesan, dan dalam bahasa yang sesuai dengan zamannya. Kita yang membaca



karangannya dapat mengesan adanya gaya retorika, dan mengatakan inilah retorika Za'ba. Dari kajian saya terhadap karangan-karangan Za'ba, saya dapat membuat kesimpulan bahawa prinsip-prinsip retorika Za'ba terletak pada gabungan analisis dan bahasa yang digunakannya.

Prinsip-prinsip retorikanya dipaparkan dalam bukunya, *Ilmu Mengarang Melayu* yang pertama kali diterbitkan dalam tahun 1934 dalam tulisan Jawi, dan dicetak semula oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dengan menggunakan huruf Rumi dalam tahun 1962. Dalam tahun 2002, edisi ejaan Rumi ini dicetak semula oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dalam Ejaan Rumi Baharu. Segala idea dan prinsip karang mengarang yang dikemukakan dalam buku ini adalah hasil pengalaman beliau dalam mengarang rencana-rencana yang diterbitkan dalam berbagai-bagai majalah tempatan sejak tahun 1920-an. Kerja beliau menterjemah buku-buku Inggeris ke dalam bahasa Melayu dan pengalaman beliau mengajar mengarang kepada penuntut Sultan Idris Training College (SITC), Tanjung Malim, telah banyak memberi input kepada prinsip-prinsip yang dikemukakan itu.

Sungguhpun Za'ba tidak pernah menggunakan istilah *retorika*, seperti yang sudah disebut di atas, tetapi dalam merujuk kepada kaedah atau prinsip karang mengarang yang dikemukakannya, maka untuk tujuan kertas kerja ini, saya menggunakan istilah berkenaan untuk membawa konsep “seni memujuk” dalam karang mengarang. Kita akan dapat melihat bahawa yang disebutnya sebagai *ilmu mengarang* dalam tajuk buku *Ilmu Mengarang Melayu* tidak lain dari retorika.

Dalam *Ilmu Mengarang Melayu (IMM)*, petunjuk retorika yang diberi oleh Za'ba terdapat dalam dua bahagian. Bahagian I memperkatakan “Pokok-pokok besar dalam latihan mengarang”, dan Bahagian II “Cabang-cabang yang tinggi”. Bahagian I boleh kita tafsirkan sebagai petunjuk bagaimana menganalisis dan memaparkan idea, dan di sinilah terdapat keseluruhan kaedah dan prinsip karang mengarang yang diajarnya. Sebagai bandingan, Bahagian II tidak seberapa penting kerana bahagian ini hanya merupakan petunjuk bagaimana kita harus menggunakan “bunga-bunga bahasa” supaya karangan menjadi berkesan.



Sebenarnya buku *IMM* ini ditulis sebagai panduan bagi penuntut SITC, dan contoh-contoh karangan yang diberi adalah yang sesuai untuk pembaca pada peringkat guru yang akan mengajar karangan kepada murid-murid di sekolah, khususnya dalam mata pelajaran bahasa dan sastera. Walau bagaimanapun, sebagai buku panduan, *IMM* boleh digunakan dalam melatih mengarang pada peringkat yang lebih tinggi daripada itu, dan untuk berbagai-bagai cabang ilmu. Bahkan kita dapat melihat betul-betul penerapan retorika Za'ba oleh Za'ba sendiri dalam karangan-karangannya yang memperkatakan pendidikan dan akhlak dalam Islam yang diterbitkan secara bersiri dalam majalah *Al-Ikhwān*, *Qalam* dan *Majalah Guru*.

### ***Tahu Bahan dan Tahu Objektif Karangan***

Za'ba menegaskan dalam *IMM* dan *Pelita Bahasa Melayu (PBM)* dan juga dalam *Memoirnya* bahawa seseorang pengarang itu harus terlebih dahulu tahu betul-betul perkara yang hendak dikarangnya. Di samping itu dia harus jelas dengan tujuan atau objektif dia mengarang tentang sesuatu tajuk itu.

Dalam bahasa zaman sekarang ini, kita boleh katakan bahawa seseorang yang hendak mengarang itu haruslah terlebih dahulu dibekalkan dengan ilmu pengetahuan tentang tajuk karangannya, dan apabila dia hendak mengarang tentang tajuk itu, dia sudah pun jelas dengan tujuan menghasilkan karangannya dan juga sudah ada gambaran siapa yang akan mendapat faedah dari idea-ideanya itu. Apabila sudah ada dua syarat ini, iaitu tahu tentang tajuk dan tahu apa objektif karangannya, baharulah boleh dia mula menulis karangan berkenaan. Dalam *IMM*, Za'ba mengajar bagaimana kita melihat sesuatu tajuk itu dengan terperinci sekali, sesuai dengan objektif kita mengarang.

### ***Pangkat Karangan dan Fikiran***

Za'ba membahagikan karangan kepada jenis-jenis tertentu berdasarkan peringkat kesukaran. Istilah yang digunakannya ialah “pangkat-pangkat karangan”, kerana katanya ada karangan yang susah, dan ada yang senang. Pangkat atau peringkat kesukaran terletak pada isi karangan, yang dikaitkan pula dengan fikiran, dan pemikiran yang



diterapkan hendaklah mendalam. Karangan yang susah itu juga disebut “karangan tinggi” atau “rencana”. Menurut beliau, untuk menghasilkan rencana, seseorang itu “hendaklah ia orang ahli fikir serta telah mahir menggambarkan fikirannya itu dengan lukisan bahasa”.

Dari sini, kita boleh membuat kesimpulan bahawa bagi Za’ba, mengarang sesuatu rencana itu merupakan penggunaan kuasa intelek seta juga kemahiran menggunakan bahasa yang tinggi dan indah. Jika ada yang satu, dan tidak ada yang satu lagi, barangkali yang dihasilkan bukan rencana, tetapi hanya catatan fikiran yang timbul secara tidak teratur. Dengan demikian, tidak adalah retorikanya.

### ***Prinsip penghasilan wacana yang berkesan***

Dalam ilmu linguistik, khusus dalam apa yang dikenal sebagai *Pragmatics*, banyak diperkatakan tentang prinsip-prinsip dalam menghasilkan wacana (*discourse*) yang berkesan. Antara prinsip yang terkenal itu ialah *Gricean Maxim*, yakni satu kumpulan prinsip yang dikemukakan oleh H.P.Grice dalam tahun 1957 dalam karangannya bertajuk *Meaning (Philosophical Review, 67)*. Prinsip atau maksimnya itu terdiri daripada kualiti, kuantiti, kerelevanan (*relevance*), dan cara (*manner*). Sungguhpun Za’ba tidak pernah menggunakan istilah-istilah berkenaan, tetapi prinsip-prinsip itu memang diutamakan sebagai pedoman mengarang, dan Za’ba menulis pedomannya pada awal tahun 1930-an, jauh lebih awal daripada Grice.

Prinsip kualiti diulanginya berkali-kali dengan berbagai-bagai cara. Misalnya, dia ada mengatakan:

Isi yang hendak diperoleh itu pula hendaklah yang layak dibawa masuk ke medan, jangan perkara kecil-kecil yang semata-mata kelak menunjukkan kebodohan dan cetek fikiran pengarang itu sahaja. (*IMM*, Bab 1, Ceraian 17).



Untuk prinsip kuantiti, kata Za'ba kita hendaklah sukat terlebih dahulu “sebanyak mana hendak disebut”. Dan prinsip ini berkait rapat dengan prinsip kerelevenan dan prinsip kualiti. Jika sesuatu karangan itu berkualiti, tentu sahaja apa yang diperkatakannya terdiri dari yang relevan sahaja, dan ini mempengaruhi kuantiti atau kepanjangannya. Karangan menjadi tak menentu dari segi kepanjangan jika termasuk hal-hal yang tidak relevan. Prinsip *cara* melibatkan penggunaan bahasa, dan ini akan diperkatakan kemudian.

Keempat-empat prinsip itu disimpulkan seperti berikut:

- (1) Isi karangannya itu yakni apa-apa yang hendak disebutkannya di dalamnya, kemudian baharulah berikut perkara-perkara yang lain iaitu;
- (2) Apa isi yang hendak didahulukan sebutnya dan apa yang hendak dikemudiankan;
- (3) Berapa banyak satu-satu bahagian isi yang terfikir olehnya itu hendak disebutkan;
- (4) Bagaimana ia hendak menyusun cakap menhidangkan isi itu supaya orang mengerti membacanya serta terang maksudnya tiada boleh tersalah faham.

(IMM, Bab 1, I. Persediaan)

### **Retorika Za'ba dalam Analisis dan Gaya Pemaparan Idea**

Lazimnya, dalam menilai retorika sesuatu karangan, yang diberi tumpuan oleh penilai ialah cara pemaparan idea melalui bahasa dan penyusunan teks. Cara menganalisis tajuk yang diperkatakan dalam karangan tidak mendapat perhatian sama sekali, yakni menganalisis tajuk tidak dianggap sebagai bahagian dari retorika. Dalam mengemukakan retorika Za'ba, saya berpegang kepada pendirian bahawa cara menganalisis itu juga patut dianggap sebagai bahagian dari seni memujuk. Analisis yang menarik seharusnya pula dipersembahkan dalam gaya pemaparan yang menarik pula

### ***Retorika Za'ba dalam Analisis***

Seperti yang sudah disebut lebih awal, sesuatu rencana itu memerlukan pemikiran yang mendalam. Dan pemikiran haruslah juga meliputi keluasan ilmu yang ada pada pengarang, dan pada masa yang sama perlakuan dalam menghurai dan menjelaskan



segala sesuatu aspek dari tajuk yang dipilih hendaklah mendalam. Jadi, yang diperlukan ialah “*breadth and depth*” dari segi ilmu yang harus ada pada pihak pengarang.

Jika kita kaji karangan-karangan Za’ba mengenai bahasa dan agama, kedua-dua ciri, iaitu keluasan dan kedalaman ilmu, dapat dikenal pasti sekali lalu. Karangan-karangan bahasa yang terdapat dalam buku-bukunya yang sudah menjadi karya agung, khususnya *IMM* dan *PBM*, sudah terkenal dengan ketelitiannya memperkatakan satu-satu tajuk dan subtajuk itu. Kedua-dua buku berkenaan untuk beberapa dekad lamanya, sebelum dan sesudah merdeka, menjadi panduan latihan guru dan pengajaran bahasa. Seperti kebanyakan karya agung, peredaran zaman dan cita rasa yang berubah di kalangan generasi baru, telah membawa kepada penggantian karya-karya itu dengan karya-karya yang mudah difaham oleh zaman mutakhir walaupun karya-karya itu kurang dari segi sifat intelektualnya.

Karya-karya Za’ba mengenai agama Islam yang diterbitkan secara bersiri dalam majalah-majalah dalam zamannya hampir dilupai, jika tidak dikumpulkan semula untuk manfaat kita semua oleh Jabatan Warisan Negara di Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (PKEKKWA). Terdapat dua koleksi yang diusahakan oleh PKEKKWA, iaitu *Taqdir (Sukatan Azali) Dalam Agama Islam*, diterbitkan dalam tahun 2007, dan *Nilai-Nilai Murni*, sedang dalam proses penerbitan. Di samping itu, Dewan Bahasa dan Pustaka juga sedang menyusun sekumpulan artikel yang lain yang diberi tajuk *Perangai Bergantung Pada Diri Sendiri*. Secara kebetulan, saya telah diberi kesempatan meneliti ketiga-tiga kumpulan teks berkenaan dan memberi pengenalan kepada tiap-tiap satunya. Dari situlah saya dapat menambah pengetahuan saya tentang cara Za’ba menganalisis satu-satu ideanya itu.

Analisisnya dalam ketiga-tiga kumpulan karangan itu konsisten dari segi kaedahnya, walaupun penghasilan karangan-karangan itu merentasi satu jangka masa yang agak panjang, iaitu dari tahun 1920-an hingga tahun 1950-an. Kaedah yang digunakannya dalam menghurai dan menjelaskan idea-ideanya itu, dalam zaman sekarang ini dikenal sebagai kaedah sistemik (*systemics*). Misalnya, dalam menganalisis sesuatu konsep



(dalam kumpulan karangan *Nilai-Nilai Murni*), beliau mewujudkan taksonomi dari satu sistem tertentu. Sistem ini disebut “pangkat” dalam karangannya itu, dan tiap-tiap sistem atau pangkat dipecah-pecahkan lagi kepada bahagian atau pangkat yang lebih kecil, yang kemudian dipecahkan lagi kepada yang lebih kecil, dan seterusnya. Pendekatan yang seperti ini membolehkan beliau membincangkan satu-satu aspek akhlak itu dengan sehalus-halusnya. Dengan cara menganalisis yang seperti ini, tidak ada kemerosotan dalam jalan fikiran, tidak ada tanda-tanda gelabah dari pihak pengarang, dan ini menjadikan pembaca lebih mudah mengikuti apa yang hendak disampaikan.

Sebagai contoh, marilah kita lihat cara Za’ba menganalisis konsep *kasih*. Taksonominya bagi *kasih* bermula dengan pembahagian kepada dua jenis kasih, iaitu: kasihkan diri, dan kasihkan orang lain.

Kasihkan diri (*selfishness*) menggambarkan “keperangaian yang keji-keji” (mengikut peristilahan yang digunakannya). Sifat ini dipecahkan lagi kepada penggambaran orang yang tamak, tidak suka menolong orang lain, dan selalu buruk sangka terhadap orang lain. Orang yang seperti ini dalam pengungkapan bahasa Melayu adalah orang yang mengambil sikap “nafsi, nafsi”, tidak mengambil kira adanya orang lain, seolah-olah dia boleh hidup seorang diri di dunia ini.

Kasihkan orang lain dimaksudkan sebagai sikap “mengorbankan diri kerana orang lain” (*self-sacrifice*), suatu sifat yang terpuji. Dalam bahasa Arab, istilahnya ialah *hubbul watan*, yang secara harfiahnya boleh diterjemahkan sebagai “kasihkan negeri atau tanah air (*patriotism*)”. Inilah kasih yang menurut junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w. merupakan separuh dari iman. *Hubbul watan* ini pula terdiri daripada tujuh jenis yang boleh diperingkat-peringkatkan dan diletakkan dalam satu skala tatatingkat, dengan yang pertama di bawah sekali, dan yang ketujuh di atas sekali.

Za’ba menghuraikan tiap-tiap jenis kasih dalam skala tatatingkat itu dengan terperinci. Untuk tujuan kertas kerja ini, saya hanya akan menyebut jenis kasih pada satu-satu anak tangga itu mulai dari bawah. Dengan demikian, kasih dalam *hubbul watan* yang paling



bawah ialah “kasih sedaging”, yakni kasih yang terbatas kepada anak pinak sahaja. Kata Za’ba kasih yang seperti ini terdapat pada orang yang “masih liar perasaannya dan masih sempit pandangannya”.

Pada peringkat kedua terdapat “kasih sekampung”. Dengan itu, orang yang datang dari tempat lain untuk mencari nafkah dikatakan “berdagang”.

Peringkat ketiga diwakili oleh “kasih senegeri”. Misalnya, orang Selangor hanya kasihkan orang Selangor. Orang yang berasal dari luar Selangor dikenal sebagai “dagang”.

Peringkat keempat ialah “kasih setanah” atau “kasih sebangsa”, yakni kasih kepada orang dari bangsa dan suku kaum yang sama kerana mempunyai asal usul etnik yang sama. Misalnya, orang Melayu hanya kasihkan orang Melayu, tidak kira di mana mereka berada. Kata Za’ba, “Maka orang-orang yang lain daripada ‘bangsa Melayu’ ini tidaklah dikasihi sama ada ia naik atau jatuh, kaya atau peminta sedekah ... kerana bukan bangsa kita!”

Peringkat kelima terdiri daripada “kasih sebenua”, yakni “kasih akan seluruh tanah yang lebih luas yang bersamaan keadaannya dan hawanya dan bersamaan kejadian benda-benda padanya dan didiami oleh puak-puak manusia yang bersamaan bangun mukanya, susuk badannya, warna kulitnya, walaupun berlainan bahasanya dan adat pertuturannya”. Misalnya, kasih orang-orang Melayu kepada orang-orang Alam Melayu.

Pada peringkat keenam pula terdapat “kasih seugama”. Ini merupakan kasih kepada orang-orang yang menganut kepercayaan keagamaan yang sama, tidak kira di mana mereka berada. Misalnya, orang Islam hanya kasihkan orang Islam, demikian juga orang Kristian atau Buddha atau Hindu kasihkan yang seagama dengannya, dan seterusnya.

Peringkat kasih ketujuh, iaitu peringkat kasih yang paling tinggi, ialah “kasih sedunia” atau “kasih sealam jagat”. Kata *watan* yang termaktub dalam *hubbul watan* mempunyai



pengertian “dunia yang luas”, tidak terhad kepada kawasan tertentu. Dalam penghuraian kasih jenis ini, semua manusia adalah hamba Allah s.w.t., dan dengan itu bersaudara satu sama lain.

Taksonomi “kasih” di atas itu, hanyalah contoh bagaimana Za’ba menganalisis satu-satu tajuk itu. Analisis pada satu-satu peringkat atau subsistem itu dilakukan dengan sangat terperinci dengan contoh-contohnya dari dalam dan luar alam Melayu, serta juga dengan perbandingan antara tamadun, sistem kepercayaan dan aliran falsafah. Kaedah analisis yang seperti ini sesuai dengan tujuannya mengajar, iaitu mengajar orang Melayu ilmu-ilmu yang ada serta juga mengajar mereka akhlak dan menggunakan fikiran sendiri. Dalam *Memoir*, dia ada mengatakan bahawa dia hanya berminat mengajar berkenaan dengan ilmu pengetahuan, dan tidak berminat mengajar yang lain-lain. Katanya,

Ganjilnya orang-orang kebanyakan mengajar cerita-cerita pendek, cerpen kata orang sekarang ini, atau cerita novel, cerita-cerita yang dikarang yang direkanya berkenaan dengan hidup orang Melayu atau orang apa-apa pun sendiri, itu cerita rekaan. Saya tidak gemar perkara mengajar, mengajar macam itu. Saya gemar pasal ilmu pengetahuan yang saya jumpa, saya suka nak jadikan dia pada bahasa Melayu, dapat pengetahuan itu, dapat dia tahu dengan membaca. (*Memoir Za’ba*, h.99)

### *Cara pemaparan idea*

Dengan cara pemaparan dimaksudkan cara kita membentangkan hasil kajian yang sudah dilakukan supaya orang seronok membacanya. Dalam peristilahan sekarang, kita menjadikan teks yang kita hasilkan itu “mesra pembaca” (*reader friendly*). Inilah yang disebut *manner* dalam maksim Grice, sedangkan Za’ba pula menyebutnya “Bagaimana Menyusun Cakap” (*IMM*, Bab 1, No.4, Ceraian 22). Katanya,

Apabila telah dimulai mengajar atau meluaskan rangka-rangkanya itu, hendaklah dijaga tentang perkataannya biar membetuli cukup



sebagaimana maksud dalam hati kita. Dan lagi susunan kata jangan menyalahi kebiasaan bahasa Melayu, ikatan ayat jangan berbolot-bolot dan memakai perkataan-perkataan jangan pada yang bukan tempatnya. Begitu juga gaya karangannya biar elok, kemas dan senang difahamkan orang maksudnya; bahasa dan susuk ayat yang dipakai biar mudah dan berpatutan dengan isi karangan itu, serta ikhlas bunyinya hendak memberi orang faham, jangan seperti hendak menunjuk-nunjuk pandai atau mengada-ngada.

Dari petikan di atas itu, kita boleh menyenaraikan apa yang patut kita perhatikan dalam penggunaan kata dan ayat apabila “menyusun cakap” supaya karangan kita berkesan. Secara ringkas jadual di bawah ini memberi intisari petua yang diberi oleh Za’ba:

Penggunaan Perkataan	Susunan Kata/Ayat
Tepat dari segi makna, seperti yang dimaksudkan di dalam hati	Struktur yang sederhana
Sesuai dengan konteks	Tidak berbelit-belit
Sederhana, tidak berlebihan	Berpatutan dengan isi karangan
Tidak mengada-ngada, menunjuk pandai	Mudah difahami
Jelas	Kemas, elok, jelas

#### Petua Memilih Kata dan Ayat

Dalam petikan di atas itu, Za’ba menggunakan perkataan *ikhlas*, sebagai sifat yang harus ada pada pengarang. Dan sifat inilah yang menentukan sama ada karangan yang dihasilkannya itu sesuai dengan tujuannya mengarang. Jika tujuan mengarang adalah



untuk memberi ilmu pengetahuan kepada pembaca yang menjadi sasaran, maka keikhlasan pengarang dapat dikesan dari cara dia mengungkap dan memaparkan fikiran. Pengarang yang tidak mempunyai sifat ini tidak akan peduli sama ada karangannya itu mudah difahami atau tidak. Pengarang yang seperti itu dalam bahasa zaman sekarang adalah pengarang yang “syok sendiri”.

Yang menarik bagi saya sebagai pengkaji strategi dalam wacana, ialah sifat *ikhlas* itu juga merupakan syarat dalam penerapan prinsip-prinsip Grice. Levinson yang mengkaji wacana perbualan berkata bahawa dalam penerapan prinsip-prinsip Grice, maka orang yang terlibat dalam perbualan hendaklah bercakap “*sincerely, relevantly and clearly, while providing sufficient information*”. (Levinson 1983: 101 – 102).

Dalam mengkaji hasil tulisan pengarang-pengarang dalam bidang ilmu pengetahuan, saya peribadi mendapat kesan bahawa karangan yang sukar difahami boleh juga disebabkan oleh pengetahuan yang ada pada pengarang itu sendiri. Oleh kerana dia sendiri tidak faham betul-betul tajuk yang diolahnya itu, dan dia hanya memetik apa yang dikata orang di sana sini, maka pengolahannya mengalami masalah. Kekaburan dalam fikirannya itulah yang tercermin dalam karangannya.

Karangan menjadi kabur apabila penggunaan kata tidak tepat dari segi makna dan tidak sesuai dengan konteks tajuk yang diperkatakan. Ada kalanya juga pengarang mengambil sikap *malapropism*, yakni dengan menggunakan perkataan yang hebat-hebat bunyinya tetapi tidak sesuai dari segi makna. Bahkan pengarang sendiri tidak begitu jelas dengan makna yang dibawa oleh perkataan yang seperti itu.

Dalam karangan-karangannya Za’ba menggunakan perkataan yang mudah difahami, sekurang-kurangnya oleh pembaca dalam zamannya. Sungguhpun dia sangat fasih dalam bahasa Inggeris, kita dapat melihat bahawa dia tidaklah begitu ghairah memelayukan bahasa Inggeris seperti yang berlaku sekarang ini. Kekecualiannya ialah apabila dia terpaksa menggunakan konsep yang istilahnya tidak ada dalam bahasa Melayu, seperti nama aliran falsafah “*Altruism*” dan “*Hedonism*”. Kata-kata yang seperti ini dieja betul-betul dalam huruf Jawi seperti sebutannya dalam bahasa Inggeris, dan dimasukkan antara tanda petikan.



Dalam tiga kumpulan karangannya mengenai akhlak dan ibadat dalam agama Islam (seperti yang sudah disebut di atas itu), Za'ba banyak menggunakan istilah-istilah Arab, sesuai dengan konteks yang dibincangkan. Tetapi tiap-tiap istilah Arab itu diberi makna yang sejelas-jelasnya dalam bahasa Melayu. Demikian juga halnya apabila dia membuat petikan dari Quran dan Hadith. Ini dapat dilihat dalam penjelasan yang diberi berhubung dengan pengertian *baik* dan *jahat*. Dalam hal ini, dia cuba mencari padanan perkataan dalam bahasa Arab, dan menghasilkan pemerinkatan kebaikan dan kejahatan.

Ciri kejelasan atau "mudah faham" yang ada pada karangan Za'ba terletak pada gaya penulisannya, iaitu gaya yang sangat bersahaja, seolah-olah dia sedang bercakap dengan orang yang berada di hadapannya. Ini dapat dilihat dari susuk atau struktur ayat yang digunakannya, yang sebahagian besarnya terdiri daripada apa yang dikenal dalam ilmu linguistik sebagai ayat parataksis (*paratactic sentences*), yakni ayat-ayat selapis atau sederhana yang disambung-sambung dengan menggunakan *koma*, *dan*, *tetapi*. Gaya ini bukan sahaja menjadikan karangannya mesra pembaca, tetapi juga sesuai dengan tujuannya menghasilkan sesuatu karangan itu, yakni menceritakan, menjelaskan dan mengajar.

Satu lagi kaedah yang digunakan oleh Za'ba yang menjadikan karangannya itu mudah difahami ialah dia menggunakan berbagai-bagai cara dalam menerangkan satu-satu butir idea, misalnya dengan memberi parafrasa dengan berbagai-bagai cara pula, seperti mengubah ungkapan di sana sini, dan memberi contoh yang banyak. Sebagai contoh, kita boleh melihat bagaimana beliau mentakrifkan "individu" sebagai lawan "kaum" atau "bangsa" (dalam kumpulan karangan *Perangai Bergantung Pada Diri Sendiri*). Apa yang kita kenal sekarang sebagai *individu* adalah *diri tunggal* bagi Za'ba, dan *kaum* atau *bangsa* itu tidak lain daripada "himpunan diri-diri tunggal". Apabila diri tunggal berusaha, setiap usaha berpusat pada dirinya sendiri. Jika setiap diri tunggal berusaha, maka akan terdapat himpunan usaha diri-diri tunggal dalam masyarakat. Ini bermakna bahawa kemajuan diri tunggal adalah juga kemajuan kaum atau bangsanya. Jika seseorang dalam kaum atau bangsa itu dikagumi orang, maka kaum atau bangsanya juga turut dikagumi orang.

### *Cabang-cabang yang tinggi*

Apa yang dimaksudkan dengan "cabang-cabang yang tinggi" ialah unsur-unsur yang memberi ciri keindahan bahasa dalam karangan. Unsur-unsur ini dikenal juga sebagai "bunga-bunga bahasa", dan terdiri daripada simpulan bahasa, peribahasa, bidalan, perumpamaan, berbagai-bagai jenis



kiasan termasuk metafora, serta juga berbagai-bagai “ragaman bahasa”, seperti bahasa sindiran, dan seterusnya. Sesuai dengan petuannya, tiap-tiap jenis unsur itu hendaklah digunakan sesuai dengan konteksnya.

## Kesimpulan

Berdasarkan kandungan buku *Ilmu Mengarang Melayu*, yang memaparkan kaedah dan prinsip menghasilkan karangan “pangkat tinggi” atau rencana, maka kita boleh meletakkan Za’ba sebagai perintis retorika Melayu. Dalam mengemukakan cadangan ini, saya tidak menafikan bahawa ada pengarang-pengarang agung dalam bahasa Melayu sebelum atau sezaman dengan. Bezanya ialah Za’ba menyusun kaedah dan prinsip dengan dalam satu jilid khusus, sedangkan yang lain tidak. Prinsip-prinsip yang dikemukakan Za’ba mendahului lebih daripada 30 tahun maksim Grice yang menjadi rujukan standard dalam kajian Pragmatik dan Analisis Wacana di kalangan pengkaji-pengkaji dalam bidang berkenaan sekarang ini.

Penerapan kaedah dan prinsipnya itu menunjukkan bahawa retorika Za’ba tidaklah terbatas wujudnya itu pada penggunaan bahasa (cara menyusun cakap) semata-mata, tetapi juga wujud dalam cara menganalisis dan memapar idea (cara menyusun ilmu dan fikiran). Ini sesuai dengan tujuan retorika seperti yang terdapat dalam *Socratic Dialogues*.

## Rujukan

Adnan Hj. Nawang. 2005. *Memoir Za’ba*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Grice, H.P. 1957. Meaning. *Philosophical Review*, 67. Dicitak semula dalam Steinberg & Jakobovits (eds.), 1971: 53 – 59.

Levinson, Stephen C. 1983. *Pragmatics*. Cambridge: Cambridge University Press.



Steinberg, D and L. Jakobovits (eds.). 1971. *Semantics: An Interdisciplinary Reader in Philosophy, Linguistics and Psychology*. Cambridge: Cambridge University Press.

Taylor, A.E. 1960. *Plato: The Man and His Work*. London: University Paperbacks, Methuen & Co. Ltd.

Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). 2002. *Ilmu Mengarang Melayu*, Edisi Ejaan Rumi Baharu, dengan Pengenalan oleh Asmah Haji Omar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). 2000. *Pelita Bahasa Melayu Penggal I – III*, Edisis Baharu, dengan Pengenalan oleh Asmah Haji Omar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). 2007. *Taqdir (Sukatan Azali) Dalam Ugama Islam: Pandangan Za'ba*, Diperkenalkan oleh Asmah Haji Omar. Kuala Lumpur: Jabatan Warisan Negara, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia.

Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). dalam percetakan. *Nilai-Nilai Murni*, Diperkenalkan oleh Asmah Haji Omar. Kuala Lumpur: Jabatan Warisan Negara, Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia.

Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). dalam percetakan. *Perangai Bergantung Pada Diri Sendiri*, Diperkenalkan oleh Asmah Haji Omar. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.